

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI  
MOHD RADZI**

**TARIKH : DISEMBER 2021**

**SOALAN**

**DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperkenalkan atau meminda akta sedia ada berkenaan pengangkutan awam di Malaysia supaya mewajibkan kesemua penyedia perkhidmatan pengangkutan awam adalah inklusif dan mesra OKU.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa komited dalam memastikan aksesibiliti adalah inklusif kepada semua golongan termasuk orang kurang upaya (OKU). Dalam hal ini, MOT akan meneliti sebarang keperluan pindaan akta yang sesuai mengikut ketetapan hala tuju yang ditentukan oleh kerajaan. Seajar dengan itu, peranan dan kerjasama Kerajaan Negeri dan penyedia perkhidmatan awam amat penting untuk mencapai halatuju yang ditetapkan di dalam menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang efisien bagi golongan OKU.

Sehubungan itu, MOT sedang dalam proses akhir pewartaan dan pelaksanaan plat kenderaan OKU bagi menggantikan pelekat kenderaan OKU sebelum ini. Melalui inisiatif baharu ini, penguatkuasaan akan lebih telus dan mudah dilakukan terhadap penyalahgunaan fasiliti tempat letak kenderaan OKU oleh masyarakat umum.

Melalui Unit Fasilitasi MOT, beberapa aktiviti utama berkaitan aksesibiliti warga OKU telah dilaksanakan secara berkala, ini selari dengan komitmen Kementerian bagi melaksanakan tanggungjawab di bawah Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016 - 2022.

Selain itu, Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019 - 2030 juga telah menggariskan mengenai konsep inklusiviti dan mesra OKU ini di bawah Teras 3: Meningkatkan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian bagi melancarkan perjalanan. Strategi 3.4 turut menyenaraikan beberapa Pelan Tindakan memfokuskan OKU seperti "Meningkatkan aksesibiliti di terminal penumpang dan pengangkutan awam untuk golongan OKU (universal access)".

Berikut merupakan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini yang memfokuskan inklusiviti OKU:

Bil.	Program/Inisiatif	Penerangan
1.	Audit Aksesibiliti	<p>Aktiviti ini dijalankan untuk menyemak infrastruktur dan fasiliti serta perkhidmatan pengangkutan awam agar boleh diakses oleh semua golongan masyarakat termasuk OKU, warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung.</p> <p>Antara perkhidmatan dan fasiliti pengangkutan yang telah diaudit sehingga kini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan MASWings di Sabah (RAS)</li> <li>2. Perkhidmatan MRT</li> <li>3. Perkhidmatan ETS</li> <li>4. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2)</li> <li>5. Lapangan Terbang Kota Bharu</li> <li>6. Lapangan Terbang Kota Kinabalu</li> <li>7. Lapangan Terbang Miri</li> <li>8. Terminal Feri Pulau Pinang</li> <li>9. Terminal Bas Melaka</li> <li>10. Terminal Bersepadu Selatan (TBS)</li> <li>11. Stesen KTM Wakaf Bharu</li> <li>12. Stesen KTM Kajang 2</li> <li>13. Stesen KTM Seremban</li> </ol>
2.	Bengkel Laman Sesawang Mesra Orang Kurang Upaya (OKU)	<p>Program ini diadakan bagi memberi kesedaran mengenai keperluan khusus agar laman sesawang boleh diakses oleh OKU. Ia juga menambahbaik kepakaran teknikal kepada Pegawai Teknologi Maklumat (IT) kementerian serta agensi di bawah MOT.</p>

Bil.	Program/Inisiatif	Penerangan
		<p>Bengkel telah diketuai oleh wakil Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) yang berkemahiran dalam bidang IT dan aksesibiliti.</p> <p>Bengkel ini telah dihadiri oleh lebih 20 orang peserta daripada agensi-agensi di bawah MOT serta pengendali perkhidmatan pengangkutan awam.</p>
3.	Seminar Kesedaran Mengenai OKU dan Pengangkutan Awam	<p>Seminar yang dibuat adalah untuk memberi kesedaran akan kepentingan mengambil kira keperluan OKU dan cara menyantuni yang sewajarnya, khusus dalam perkhidmatan pengangkutan awam. Seminar ini disasarkan kepada warga Kementerian dan agensi selain semua penyedia perkhidmatan pengangkutan awam, termasuklah pihak berkuasa tempatan.</p> <p>Antara seminar yang pernah dianjurkan adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. 2018 – Aksesibiliti dalam Perkhidmatan Pengangkutan Awam</li> <li>2. 2019 – “Barrier Free in Transportation”</li> </ol>
4.	Kod Amalan Terbaik (Code Of Practice – COP) bagi Menyantuni Golongan OKU Dalam Perkhidmatan	<p>COP ini sedang disiapkan dan dijangka diedarkan bulan Disember 2021. Ia dilaksanakan bagi memberikan kesedaran dan pemahaman serta garis panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam perkhidmatan pengangkutan awam udara. COP ini akan dijadikan rujukan oleh</p>

**SOALAN NO. 96**

<b>Bil.</b>	<b>Program/Inisiatif</b>	<b>Penerangan</b>
	Pengangkutan Awam Udara	pengendali perkhidmatan pengangkutan awam udara bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah inklusif kepada semua golongan, termasuk OKU.